

Mutu sukan negara kian merosot dan tidak begitu _____. Hal ini jelas terserlah ketika atlet negara bertanding pada peringkat serantau. Situasi tersebut telah menimbulkan tanggapan _____ dalam kalangan peminat sukan. Persoalan, adakah atlet-atlet kita cuma gah di _____ sendiri sehingga mereka digelar “_____ kampung?” Ataupun atlet kita kurang bermotivasi apabila bersaing pada peringkat antarabangsa?

Semangat patriotik yang agak _____ dikenal pasti sebagai faktor utama kemerosotan mutu sukan negara kita. Ketika bertanding, terdapat segelintir atlet bermain ala kadar kecuali ditawarkan _____ yang setimpal dengan usaha mereka. Malah, ada atlet beranggapan bahawa bidang sukan hanyalah _____ sampingan. _____ sebegini menyebabkan mereka kurang bersemangat semasa menjalani _____ untuk meningkatkan kualiti permainan. Memang tidak dapat dinafikan ada kalanya atlet mempunyai _____ tersendiri seperti ponteng latihan, tidak puas hati dengan _____, dan menghadapi masalah peribadi. Jelaslah bahawa kekurangan semangat patriotik yang tinggi menjadi penghalang terbesar untuk para atlet mengukir nama di pentas sukan tempatan dan antarabangsa.

Masalah lama yang mungkin _____ pandang turut menjadi faktor mutu sukan negara kita semakin merundum. Masalah tersebut ialah kekurangan _____ sukan bertaraf dunia berbanding dengan negara-negara yang maju _____. Sukannya. Negara kita tidak banyak mempunyai sekolah sukan, gelanggang tenis, badminton, bola keranjang, dan stadium bola sepak yang dapat digunakan untuk menganjurkan kejohanan _____ dunia. Kekurangan kemudahan sukan ini menyebabkan rakyat tidak berpeluang untuk bermain permainan tertentu. Impaknya, kita tidak dapat _____ bakat-bakat baharu atau mencari _____ untuk menggantikan ahli sukan _____ negara. “Sudah terang lagi bersuluh”, kekurangan kemudahan sukan menjejaskan _____ dan mutu sukan pada jangka masa panjang.

Di samping itu, pendedahan pada peringkat antarabangsa masih belum mencukupi untuk memantapkan mutu _____ atlet negara. Boleh dikatakan bahawa atlet muda masih kurang pengalaman. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat menyesuaikan diri ketika bertanding di negara tuan rumah. Dek _____ dengan suasana dan keadaan yang amat _____ bagi mereka, atlet negara gagal menunjukkan _____ permainan yang sebenarnya. Apabila atlet berhadapan dengan pihak lawan yang jauh lebih handal, mereka terus hilang _____. Sehubungan dengan itu, atlet negara perlu diberi lebih banyak pendedahan dalam kejohanan antarabangsa bagi mempersiapkan mereka beraksi pada peringkat lebih tinggi.

Konklusinya, langkah-langkah proaktif perlu diambil agar kita dapat “duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi” dengan negara-negara lain dalam bidang sukan. Pelbagai program wajar _____ semula bagi memastikan sukan di negara ini terus _____ maju. Tanpa usaha dan kerjasama semua pihak, mutu sukan di negara ini akan sentiasa berada di _____ lama. Kita tidak mahu dikenali hanya sebagai penganjur sukan yang _____, tetapi kita juga mahu disanjung sebagai negara yang memiliki atlet _____ di dunia.